

Pengalaman R&D tingkat 'harga' graduan

Tingkat 'Harga'
Graduan

S4 19/07/08 pg. 119.

KUALA TERENGGANU – Penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara komersil yang dilaksanakan mampu menjadikan seseorang penuntut di universiti lebih berkualiti apabila menempuh pasaran kerjaya.

Seorang penuntut di institusi pengajian tinggi awam (IPTA), Zuhayati Yazid, 27, berpendapat R&D akan menonjolkan universiti ke tahap yang lebih tinggi secara tidak langsung menjadikan pelajar-pelajar 'lebih mahal' berbanding universiti yang kurang melakukan penyelidikan komersil.



ZUHAYATI
YAZID

"Projek R&D yang dijalankan secara komersil mampu memberi impak yang lebih baik kepada universiti sebagaimana Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang memfokuskan kepada bidang maritim dan juga Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap penyelidikan bidang perhutanan.

"Kelainan yang dibawa universiti masing-masing akan mempengaruhi keyakinan pihak majikan terhadap pelajar-pelajar yang berpengalaman

melakukan penyelidikan setelah mereka tamat pengajian nanti," katanya dalam satu tinjauan **Sinar Harian**, semalam.



MOHD
RIZALMAN
NOR

Zuhayati yang merupakan pelajar dalam program Sarjana di Universiti Malaya berkata, kelebihan tersendiri yang ditonjolkan melalui projek tersebut akan membantu mempengaruhi pandangan orang luar terhadap pelajar-pelajarnya.

"Ia juga akan menjana bidang pendidikan ke arah kecemerlangan kerana mampu mewujudkan pakar-pakar tempatan dan muda melalui projek yang dijalankan itu," jelasnya.

Pandangan itu turut dipersetujui seorang pendidik, Mohd Rizalman Nor, 27, yang berpendapat bahawa ia sebagai persediaan untuk membolehkan pelajar-pelajar lebih memahami proses pembelajaran yang sedang berlangsung.

Rizalman memberitahu, projek R&D merupakan latihan kepada pelajar dan sekiranya ia banyak didedahkan, keadaan tersebut amat membantu

memberi kefahaman dan melengkapkan teori yang dipelajari ketika di dalam kuliah.

Katanya, mereka akan tahu arah tuju dan matlamat pendidikan yang dipelajari di samping mudah menguasai bidang pekerjaan yang sama dengan apa yang dipelajari semasa di universiti.

"Mereka boleh menunjukkan



IZHAN
ALI

kebolehan dalam masa yang singkat sekiranya menceburi bidang yang sama apabila keluar dari universiti kerana tahu apa yang perlu dilakukan," ujarnya.

Bekas graduan di sebuah IPTA, Izhah Ali, 27, turut menyokong R&D secara komersil kerana ia lebih menonjolkan mutu pendidikan kepada orang luar dan memberi keyakinan untuk berada di tahap terbaik.

Katanya, ia juga lebih mudah dikenali di pelbagai peringkat kerana R&D melibatkan kerjasama, perjanjian dan persetujuan dengan pelbagai pihak dari dalam dan luar negara.